

(FAQ) SISTEM PEMINJAMAN PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT FKA

S1: Bagaimana jika permohonan masih belum diluluskan selepas beberapa hari?

Sila hubungi pejabat IT FKA secara terus atau hantar emel kepada pentadbir sistem. Semak juga status terkini melalui aplikasi di bahagian Senarai Pinjaman.

S2: Bolehkah saya meminjam lebih daripada satu jenis peralatan dalam satu permohonan?

Ya. Sistem ini membenarkan peminjaman sehingga 3 jenis peralatan berbeza dalam satu permohonan di bahagian ID_Alut, ID_Alut_2 dan ID_Alut_3. Di bahagian ID_Alut adalah wajib diisi, manakala ID_Alut_2 dan ID_Alut_3 adalah pilihan.

S3: Apakah yang perlu dilakukan jika peralatan yang dipinjam rosak atau hilang?

Peminjam bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan peralatan yang dipinjam. Sila laporkan sebarang kerosakan atau kehilangan kepada pejabat IT FKA dengan segera.

S4: Bagaimana jika saya perlu memanjangkan tempoh pinjaman?

Hubungi pentadbir IT FKA untuk meminta lanjutan tempoh. Pentadbir akan mengemaskini Tarikh_Jangka_Pulang dalam sistem setelah persetujuan diberikan.

S5: Adakah notifikasi emel dihantar secara automatik?

Ya. Sistem AppSheet dikonfigurasi untuk menghantar notifikasi emel automatik kepada Emel_Peminjam apabila status permohonan dikemas kini oleh admin.

S6: Bolehkah saya menggunakan aplikasi ini pada telefon bimbit?

Ya. Sistem boleh diakses melalui pelayar web pada mana-mana peranti termasuk telefon bimbit dan tablet. Anda juga boleh memasang aplikasi AppSheet pada peranti Android atau iOS untuk pengalaman yang lebih baik.